

Perdana Menteri bentang Bajet 2007 1 September

KUALA LUMPUR. 16 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membentangkan Bajet 2007 semasa persidangan Dewan Rakyat, 1 September ini pada pukul 4 petang.

Pegawai Perhubungan Korporat Parlimen, Rohana Amdan berkata, persidangan Dewan Rakyat ditetapkan selama 43 hari bermula 21 Ogos, berehat sepanjang bulan puasa bermula 24 September hingga 5 November dan disambung

kembali sehingga 13 Disember.

Persidangan Dewan Negara pula ditetapkan selama 10 hari bermula 6 Disember hingga 21 Disember, katanya dalam satu kenyataan.

Tujuh rang undang-undang untuk bacaan kali kedua akan dibentangkan sepanjang mesyuarat ketiga, Parlimen Ke- sebelas itu.

Rang Undang-undang berkenaan ialah Rang Undang-Undang Garis Pang-

kal Zon Maritim 2006, Rang Undang-Undang Ordinan No 7 (Kuasa-Kuasa Perlu Darurat (Pindaan) 2006 dan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006.

Turut dibentangkan ialah Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006, Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-Kanak (Pindaan) 2006, Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan)

2006 dan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2006.

Rohana berkata, sebanyak 1,096 pertanyaan lisan diterima daripada anggota Dewan Rakyat untuk dijawab dalam persidangan kali ini manakala 269 pertanyaan diterima untuk jawapan bertulis.

Dewan bersidang Isnin hingga Khamis mulai 10 pagi hingga 1 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.30 petang.

- Bernama